

11/01/1999

Kelab Senator sambut baik pemilihan TPM

KUALA TERENGGANU, Ahad - Kelab Senator Malaysia (KSM) hari ini menyambut baik pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Setiausaha Agungnya, Senator Rosli Mat Hassan berkata, KSM berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana dapat memilih dan menyusun barisan Kabinetnya yang begitu meyakinkan, terutama Abdullah yang terbabit dalam politik dan perhubungan antarabangsa.

"Beliau adalah pemimpin jati Umno yang sudah melalui pelbagai proses jatuh bangun yang mampu membersihkan imej negatif yang dimainkan pemimpin negara Barat dan media yang anti-Malaysia, selain meredakan ketegangan politik dalam negara," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, di sini.

Selain itu, KSM juga menyifatkan pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan akan memudahkan pelaksanaan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) dan memantapkan hubungan dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan.

Katanya, organisasi perdagangan seperti dewan perniagaan, persatuan kontraktor dan persatuan pengilang yakin Daim mampu membantu pembinaan semula usahawan, kontraktor dan korporat setelah terjejas teruk dalam kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak pertengahan 1997.

Sementara itu, di IPOH, MCA menyifatkan pelantikan Abdullah sebagai bijak kerana beliau memiliki kualiti seorang pemimpin sejati.

Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata kredibiliti sebagai seorang pemimpin jelas ditonjolkan melalui pemikiran dan tindakannya yang bersifat sederhana.

Beliau yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, Abdullah yang dikenalnya agak lama adalah seorang berpengalaman dengan pernah memegang pelbagai jawatan dalam politik dan pentadbiran kerajaan.

Beliau juga seorang yang ikhlas dan kuat bekerja di samping rekod bersihnya sebagai seorang pemimpin.

"Dari segi hubungan dengan MCA, beliau memang mempunyai hubungan rapat dengan MCA.

"Oleh itu, MCA amat mengalu-alukan pelantikannya dan yakin boleh bekerjasama rapat dengan beliau.

"Inilah yang kita mahu, kita mesti dilihat ikhlas dan bersih," katanya.

(END)